

PENDAHULUAN

1. Fasal (2) Perkara 106 dan Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun-akaun yang meliputi penyata kewangan, pengurusan kewangan serta aktiviti kementerian/jabatan/agensi mengikut apa-apa jua yang difikirkan patut olehnya dan mengemukakan Laporan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Objektif pengauditan penyata kewangan adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. Mandat dan kuasa Ketua Audit Negara telah diperluaskan melalui pindaan Akta 62 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 dan di Dewan Negara pada 24 Julai 2024. Antara pindaan Akta 62 adalah mengenai pengauditan yang turut melibatkan badan lain termasuk syarikat yang menerima kepentingan dalam bentuk Jaminan Kerajaan dan pengauditan melalui pendekatan Follow The Public Money, atas dasar kepentingan awam. Pindaan ini juga melibatkan kuasa Ketua Audit Negara untuk melaksanakan susulan Audit terhadap apa-apa syor, ulasan atau pandangan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Perkara ini bagi memastikan syor Audit sentiasa diberi perhatian serius dan diambil tindakan sewajarnya oleh semua pihak sama ada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, serta mana-mana badan lain yang tertakluk kepada pengauditan Ketua Audit Negara dan menerima wang awam.

3. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 mengandungi perkara seperti berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

Bahagian II : Analisis Penyata Kewangan Agensi Persekutuan

Bahagian III : Fokus Utama Audit (Key Audit Area)

4. Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Antara perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum

Perancangan Audit; penilaian risiko dan pengumpulan bukti audit; komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus; pensampelan; dan pelaporan. Perkara ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan selaras dengan piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS), Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) bagi menghasilkan laporan yang berkualiti.

5. Setakat 31 Disember 2024, sebanyak 142 daripada 145 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 telah dikemukakan untuk pengesahan Ketua Audit Negara. Kesemua 142 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 yang diterima telahpun selesai pengauditan dan pensijilan.

6. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 133 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion). Seterusnya, sembilan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion), iaitu lapan Pendapat Berteguran dan satu Pendapat Bertentangan. Selain itu, laporan analisis turut dibuat terhadap satu Agensi Persekutuan yang menerima Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, iaitu dari tahun 2021 hingga 2023.

7. Analisis penyata kewangan bagi menilai prestasi kewangan Agensi Persekutuan telah dibuat terhadap lima perkara, iaitu Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Diterima, Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dan Lebihan atau Kurangan Semasa. Analisis tentang Agensi Persekutuan yang menerima geran Kerajaan Persekutuan tertinggi, amaun terhutang kepada Agensi Persekutuan termasuk yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, pembayaran dividen tertinggi daripada syarikat subsidiari dan Agensi Persekutuan yang mengalami kerugian berturut-turut sejak tahun 2021 hingga 2023 turut dilaporkan buat pertama kali dalam Laporan kali ini.

8. Pelaporan Fokus Utama Audit (Key Audit Area) turut dikekalkan bagi pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023. Pelaporan ini memberikan penekanan terhadap perkara material dan signifikan yang memberi kesan kepada prestasi kedudukan kewangan Agensi Persekutuan. Fokus Utama Audit bagi Penyata Kewangan Tahun 2023 adalah berkaitan isu usaha berterusan (going concern) SWCorp, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dan Pengurusan Dana Penyelidikan Fundamental lima Universiti Penyelidikan. Ini adalah sejajar dengan pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan kewangan Agensi Persekutuan termasuk usaha menangani isu ketirisan, pemborosan dan pembaziran.

9. Mulai tahun 2025, semua jenis Sijil Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan Agensi Persekutuan akan dipaparkan melalui Papan Pemuka dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard - AGD) untuk tujuan pemantauan. Penambahbaikan telah dibuat dengan memaparkan perenggan terperinci mengenai Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion). Perkara ini bagi membolehkan susulan Audit dibuat terhadap tindakan yang diambil oleh Agensi Persekutuan bagi menambah baik penyediaan penyata kewangan pada masa hadapan. Paparan secara terperinci melalui AGD ini menunjukkan kepentingan pengurusan tatakelola kewangan yang baik melalui prinsip ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanan dalam menyusul tindakan terhadap semua syor, ulasan atau pandangan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

10. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Agensi Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Audit Negara sepanjang pengauditan dijalankan. Sesungguhnya Jabatan Audit Negara amat komited dalam menyediakan Laporan ini, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Akta 62 yang berkuat kuasa.



(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara

Putrajaya
21 Januari 2025